

Perdana Menteri rasmikan operasi MRT Fasa 1 hari ini

MRT mula beroperasi esok

Oleh NADIA SHAFUL BAHARI
dan RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Malaysia bakal membuka lembaran baharu perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini apabila projek Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) fasa satu akan mula beroperasi esok.



Fasa satu MRT itu menghubungkan Sungai Buloh dan Semantan sejauh 21 kilometer (km) memabitkan 12 buah stesen.

Stesen-stesen tersebut ialah Sungai Buloh, Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr. Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka merasmikan operasi MRT tersebut di Stesen Kwasa Damansara pada pukul 3 petang ini.

Berita baik itu bukan sahaja menggembirakan pengguna tetap pengangkutan awam, malah ia melegakan hati pengguna jalan raya lain kerana ia dijangka dapat meredakan kesesakan trafik di Lembah Klang.

Rata-rata mereka berpendapat perkhidmatan MRT memberikan satu lagi alternatif ba-



NAJIB merasai pengalaman menaiki MRT bersama rakan online Perdana Menteri baru-baru ini.



PERKHIDMATAN MRT fasa satu dari Sungai Buloh ke Semantan akan mula beroperasi esok.


haru pengangkutan rel awam sebagai tambahan kepada Transit Aliran Ringan (LRT), komuter, monorel dan Express Rail Link (ERL).

Buat masa ini, perkhidmatan LRT digunakan oleh kira-kira 1.5 juta penumpang sehari, komuter (300,000), monorel (72,000) dan ERL (90,000).

Jumlah penumpang MRT dijangka mencecah kira-kira 400,000 orang sehari apabila

semua perkhidmatan rel ini akan digunakan oleh kira-kira 2.3 juta penumpang sehari.

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail, Datuk Zohari Sulaiman (**gambar kecil**) berkata, seramai 31 pengurus stesen akan bertugas dengan dibantu oleh 257 pegawai stesen mengikut syif apabila jajaran Sungai Buloh-Kajang dibuka sepenuhnya pada Julai 2017.



siap ia sepenuhnya kelak, menurut MRT Corporation Sdn. Bhd., (MRT Corp.)

Secara keseluruhan, kesemua perkhidmatan rel ini akan digunakan oleh kira-kira 2.3 juta penumpang sehari.

Beliau berkata, 28 set tren telah diterima untuk beroperasi fasa satu dan kesemua tren tersebut telah menjalani ujian statik di bengkel serta ujian di atas landasan.

"Ini untuk memastikan setiap tren beroperasi sejauh 21 kilometer (km) tanpa sebarang gangguan dan ia merupakan syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

"Empat set tren tanpa pemandu yang dibekalkan oleh Siemens pula direka khusus untuk beroperasi di bawah kondisi automasi sepenuhnya," kata beliau seperti dipetik *Bernama* baru-baru ini.

INFO MRT Sungai Buloh-Kajang

- Menghubungkan Sungai Buloh dan Kajang sejauh 51 kilometer (km) dengan 31 buah stesen
- Mempunyai laluan bawah tanah sepanjang 9.5km dengan tujuh stesen
- MRT fasa satu dari stesen Sungai Buloh ke Semantan mula beroperasi esok
- Menggunakan tren tanpa pemandu
- Setiap tren mempunyai empat gerabak dan mampu membawa 1,200 penumpang
- Apabila siap sepenuhnya tahun hadapan, MRT dijangka digunakan 400,000 penumpang setiap hari
- MRT fasa kedua dari stesen Semantan ke Kajang akan beroperasi pada Julai 2017
- Kemudahan seperti eskalator, lif dan ramp, pusat khidmat pelanggan, mesin tiket, tandas, bilik solat dan telefon awam
- Lebih 8,000 tempat letak kereta disediakan di stesen-stesen MRT tertentu
- Kebanyakan stesen di luar pusat bandar Kuala Lumpur akan mempunyai perkhidmatan bas pengantara
- Projek MRT yang mula dibina pada tahun 2011 menelan perbelanjaan lebih RM22 bilion

Tambah Zohari, selain menyediakan beberapa kemudahan "Park and Ride", Rapid Rail bersama MRT Corp. akan menyediakan 112 bas pengantara bagi perkhidmatan di 26 laluan bas untuk fasa pertama, merangkumi jarak sejauh 256.3km.

"Setiap bas boleh memuatkan sehingga 62 penumpang dengan kadar tambang rata RM1 setiap perjalanan tanpa had jarak," kata Zohari.

Fasa kedua MRT dari KL Sentral (Stesen Muzium Negara) ke Kajang akan beroperasi pada Julai 2017 sekali gus melengkapkan projek MRT sepanjang 51km yang menelan perbelanjaan lebih RM22 bilion itu.